

DARI REJAL-ARBEE

1982

NEW YORK, 29 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMBERITAHU BEBERAPA TOKOH-TOKOH BERPENGARUH AMERIKA SYARIKAT YANG BERMINTA DALAM HAL EHWAL ASIA, BAHAWA ~~TEKANAN KERAJAAN MALAYSIA KE ATAS NILAI-NILAI ISLAM~~ TIDAK AKAN MEMBAWA KEPADA KETIDAKSTABILAN NEGARA.

BELIAU MEMBERITAHU MEREKA BAHAWA MALAYSIA MERASAKAN PERLU NYA DIPUPUK NILAI-NILAI KEROHANIAH DI KALANGAN RAKYATNYA SAMBIL MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN FIZIKAL NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKIRANYA NILAI-NILAI KEROHANIAH TIDAK DISEMAIKAN DI KALANGAN RAKYAT, MEREKA AKAN KEHILANGAN ARAH TUJUAN.

BELIAU MEMBERITAHU PARA WARTAWAN MALAYSIA YANG MENGINGINNYA BAHAWA BELIAU MENDAPATI SEDIKIT SEBANYAK PERASAAN BIMBANG DI KALANGAN PARA ANGGOTA PERSATUAN ASIA DAN MAJLIS HUBUNGAN LUAR AKAN KEBANGKITAN SEMULA SEMANGAT ISLAM DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMALAM DIRAIKAN DI SATU MAJLIS MAKAN TENGAHARI OLEH PARA ANGGOTA PERSATUAN ASIA DAN MAJLIS HUBUNGAN LUAR ITU. JAMUAN TERSEBUT DIIKUTI OLEH SESSI SOALJAWAB YANG TERTUTUP.
-- LAGI 1510/SZ

MAHATHIR-ISLAM 2 NEW YORK 2 '2'2'

PERDANA MENTERI BERKATA TERDAPAT RAMAI ORANG YANG BERANGGAPAN BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA KINI MENEKANKAN KEISLAMAN.

'MEREKA MELIHAT ISLAM DARI SEGI REVOLUSI ISLAM, KETIDAK-STABILAN DAN SEBAGAINYA,' KATA BELIAU.

'JADI, MEREKA AGAK BIMBANG MEREKA MUNGKIN BERURUSAN DENGAN KERAJAAN YANG TIDAK STABIL.

'SAYA MENJELASKAN KEPADA MEREKA BAHAWA SAYA TIDAK BERFIKIRAN BEGITU. KITA HANYA MERASAKAN PERLU DISEMAIKAN NILAI NILAI KEROHANIAH (DI KALANGAN RAKYAT).'

KATANYA MEREKA INI NAMPAKNYA BERPENDAPAT BAHAWA TINDAKAN KERAJAAN UNTUK MENEKANKAN NILAI-NILAI ISLAM DI KALANGAN RAKYAT BERAGAMA ISLAM, AKAN MENINGKATKAN PERSELISEHAN ANTARA ORANG-ORANG MELAYU, YANG AKAN MENGHALA KE ISLAM, DAN ORANG-ORANG CINA YANG AKAN MENGHALA KE CHINA.

-- LAGI 1545/SZ

B552

MAHATHIR-ISLAM 3 NEW YORK 2 '2'2'

'SAYA MENJELASKAN KEPADA MEREKA BAHAWA GAMBARAN INI TIDAK BENAR. ORANG-ORANG CINA DI MALAYSIA MENERIMA ORANG-ORANG MELAYU SEBAGAI ORANG ISLAM', KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEMUI SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU JAVIER PEREZ DE CUELLAR PAGI SEMALAM UNTUK BERBINCANG BERBAGAI-BAGAI ISU TERMASUK KAMPUCHEA, AFGHANISTAN, MASALAH ASIA BARAT DAN PEPERANGAN IRAN-IRAQ.

BELIAU BERKATA ENCIK PEREZ DE CUELLAR MEMINTA PENJELASAN MENGENAI MASALAH KAMPUCHEA KERANA ADA ORANG BERPENDAPAT BAHAWA NEGARA-NEGARA ASEAN SENDIRI MEMPUNYAI PERBEZAAN DALAM PANDANGAN MEREKA TERHADAP NEGARA ITU.

'SAYA MENERANGKAN BAHAWA KITA MUNGKIN KELIHATAN PADA LAHIRNYA MEMPUNYAI PERBEZAAN KERANA PENEKAMAN YANG BERLAINAN TETAPI PADA ASANYA, PENDEKATAN KITA TERHADAP MASALAH ITU ADALAH SAMA,' TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1550/SZ

B553

MAHATHIR-ISLAM 4 NEW YORK R'R'R'

ENCIK PEREZ DE CUELLAR MENYATAKAN PENGHARGAAN TERHADAP USAHA-USAHA PERTUBUHAN PERGIDANGAN ISLAM (OIC) UNTUK MENYELESAIKAN PEPERANGAN IRAN-IRAQ.

BAGAIMANAPUN, SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU ITU BERPENDAPAT USAHA-USAHA SEPerti ITU HENDAKLAH DISELARASKAN DENGAN USAHA-USAHA PERTUBUHAN DUNIA ITU DAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKEQUALI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMBERITAHU ENCIK PEREZ DE CUELLAR OLEH KERANA PEPERANGAN TERSEBUT MELIBATKAN ISLAM, OIC MEMPUNYAI PERANAN KHAS.

BERDASARKAN INILAH OIC TERPAKSA MENERUSKAN USAHA-USAHANYA. MENGENAI KETIDAKBERKESANAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DALAM MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH ANTARABANGSA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA KUASA-KUASA BESAR BERTINDAK DI LUAR BADAN DUNIA ITU, MAKA SUDAH TENTULAH BADAN ITU TIDAK BERKESAN. -- LAGI 1555/SZ

B554

MAHATHIR-ISLAM 5 NEW YORK R'R'R'

BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA PIHAK UNTUK MEMPASTIKAN BADAN DUNIA ITU BERJALAN DENGAN BERKESAN.

''IA MERUPAKAN FORUM YANG BERGUNA UNTUK KERJASAMA ANTARABANGSA,'' KATA BELIAU, LALU MENAMBAH BAHAWA KERANA ITULAH BELIAU MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG YANG BERJALAN SEKARANG.

PERDANA MENTERI DIJADUALKAN BERUCAP DI PERHIMPUNAN ITU PADA PUKUL 3 PAGI WAKTU MALAYSIA ESOK (30 SEPT.).

-- BERNAMA 1557/SZ